

03 SEP 1999

Sukan-Muhyiddin

SIC DIMINTA PERBAIKI KESILAPAN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Penganjur Perlumbaan Merdeka 300km Antarabangsa Proton, Sepang International Circuit (SIC) dinasihatkan agar segera memperbaiki segala kesilapan demi menjaga imej Malaysia yang akan menganjurkan perlumbaan Formula Satu di Litar F1 Sepang, Oktober depan.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini berkata, masalah catatan masa dalam perlumbaan Merdeka yang diadakan pada 28 dan 29 Ogos lepas boleh mengganggu persiapan negara menganjur perlumbaan paling berprestij di dunia itu.

"Saya harap masalah itu dapat diatasi segera kerana sekiranya diperbesarkan ia akan memberi kesan kepada penganjuran Formula Satu yang hanya tinggal beberapa minggu sahaja lagi," kata Muhyiddin pada persidangan berita selepas melancarkan Perlumbaan Touring Car Antarabangsa Malaysia di sini, hari ini.

Menurut Muhyiddin, beliau telah mengadakan perbincangan dengan pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB) Tan Sri Basir Ismail mengenai masalah itu.

"Dalam perbincangan itu, Tan Sri Basir menyatakan bahawa SIC telah pun memperbaiki sistem keputusan yang digunakan di litar itu," katanya.

Menurut Muhyiddin, beliau yakin pengurusan SIC memandang serius masalah itu dan mampu menangani segala kesulitan yang timbul.

"Anggaplah masalah itu sebagai satu pengajaran untuk kita lebih teliti di masa hadapan," katanya.

Perlumbaan Merdeka yang diadakan di Litar F1 Sepang telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pelumba apabila 53 pelumba dikatakan menandatangani petisyen kepada Persatuan Automobil Malaysia (AAM) meminta supaya perlumbaan itu diadakan semula.

Ini kerana, menurut mereka sistem catatan masa yang digunakan ketika perlumbaan tidak berfungsi sepenuhnya dan pihak penganjur telah melantik auditor pertandingan yang tidak mempunyai pengalaman dalam perlumbaan bermotor.

Sehingga hari ini SIC masih gagal mengeluarkan keputusan rasmi perlumbaan.

Muhyiddin turut menyatakan pendapatnya supaya perlumbaan itu dianjurkan semula bagi memuaskan hati semua peserta di samping dapat menguji semula sistem keputusan yang baru dipasang.

Sementara itu, Muhyiddin berkata Kabinet telah meluluskan agar minggu menjelang perlumbaan Formula Satu diisytiharkan sebagai "Minggu Sukan Bermotor Malaysia".

"Minggu itu akan dilancarkan pada 9 Okt oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pelbagai acara perlumbaan bermotor akan diadakan di Lembah Klang sebagai menyambut perlumbaan itu," katanya.

Program itu dibuat bertujuan menghidupkan suasana perlumbaan di samping menyedarkan rakyat bahawa Malaysia sedang menganjurkan perlumbaan paling berprestij di dunia.

-- BERNAMA

ZMA PR